

## PENGETAHUAN IBADAH REMAJA PEKAK DI MALAYSIA

<sup>a</sup>Mohd Huzairi Awang@Husain

<sup>b</sup>Rahimin Affandi Abdul Rahim

<sup>c</sup>Hajarul Bahti Zakaria

<sup>a</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam

<sup>b</sup>Universiti Malaya

<sup>c</sup>Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas

<sup>a</sup>huzairi.sahabatinsani@gmail.com

<sup>c</sup>hajarul@ipgkik.edu.my

**Abstrak:** Kajian ini adalah satu tinjauan yang bertujuan mengenal pasti pengetahuan ibadah remaja pekak di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada 89 orang remaja pekak muslim yang mengikuti pembelajaran di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Masalah Pendengaran berumur dalam lingkungan umur 16 hingga 19 tahun seluruh Malaysia. Murid dikehendaki memberikan respon pengetahuan ibadah melalui soal selidik secara ujian lisan menggunakan bahasa isyarat tentang 5 perkara berikut iaitu bersuci, solat, puasa, zakat, dan aurat. Statistik deskriptif iaitu peratusan dan min digunakan dalam melaporkan dapatan kajian. Hasil kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa pengetahuan ibadah remaja pekak tidak mencapai tahap yang memuaskan dan berada pada tahap rendah dengan keseluruhan skor min =1.19, SP=0.58. Analisis terperinci item pengetahuan ibadah bagi bersuci adalah M=1.22, SP=0.65, min pengetahuan solat M=1.16, SP=0.52, min pengetahuan puasa M=1.25, SP=0.71, min pengetahuan zakat M=1.26, SP=0.91 dan min pengetahuan aurat M=2.35, SP=1.59. Satu usaha perlu dilakukan bagi memperbaiki pengetahuan ibadah remaja pekak dan meningkatkan kesedaran mereka dan masyarakat tentang kepentingan mempelajari ibadah, di samping memperbaiki proses pembelajaran dan pengajaran Fardu Ain untuk remaja pekak di Malaysia.

**Kata kunci:** Pengetahuan ibadah, remaja pekak dan pembelajaran dan pengajaran Fardu Ain.

### PENGENALAN

Kajian ini adalah bertujuan mengenal pasti pengetahuan ibadah remaja pekak di sekolah menengah Kementerian Pendidikan di Malaysia. Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan bagi melihat bagaimana sebenarnya pengetahuan ibadah secara imperikal dalam kalangan remaja pekak di Malaysia. Isu tentang pengetahuan ibadah dalam kalangan remaja pekak kurang dibincangkan dalam kalangan penyelidik pengajian Islam. Sebahagian besar kajian lebih banyak memberikan fokus terhadap murid tipikal sahaja, manakala kajian terhadap remaja pekak khususnya tentang pengetahuan ibadah agak kurang mendapat perhatian. Islam yang ditegaskan dalam al-Quran sebagai agama di sisi Allah SWT (Ali 'Imran (3): 19) merupakan satu cara hidup dan memerlukan setiap muslim mengetahui perkara asas tentangnya, mendalami dan memberikan sepenuh penghayatan

kepadanya. Penggabungan diri dengan agama Islam bukan sekadar anutan secara zahir atau pengakuan di mulut sahaja. Penggabungan diri dengan Islam yang sebenar ialah dengan berpegang teguh kepada seluruh ajaran Islam dan menyesuaikan diri dengannya secara penuh kerelaan. Perkara ini bukan hanya menjadi tanggungjawab insan tipikal, tetapi juga termasuk taklifannya kepada golongan pekak (Fathi, 1996). Islam merupakan satu peraturan tunggal dan sistem yang bersifat menyeluruh. Manusia menilai Islam dan umat Islam adalah berbeza-beza. Penghayatan Islam mulai lemah ekoran kekuatan Islam yang wujud dalam sanubari umat Islam mulai goyah (Sa'id Hawwa, 2008).

### Sorotan Literatur

Umat Islam hendaklah dibina ke arah kesetiaan yang penuh iltizam terhadap Islam, diubah

daripada sikap cuai dalam mematuhi ajaran Islam kepada iltizam yang kuat terhadap Islam, daripada jahil tentang Islam kepada memahami Islam dan daripada kelalaian kepada kesedaran (Sa'id Hawwa, 2008), ke arah menjadi hamba yang mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan mengikuti jalan keredaan dan syurga, iaitu jalan yang telah dilalui oleh Rasulullah SAW dan para rasul sebelumnya (Mustafa, 1999), yang disebut sebagai *Sirat al-Mustaqim* (Al-An'am (6): 153) dan sentiasa dipohon dalam solat (Al-Fatihah (1): 6).

Sekularisme yang melanda telah menjadikan umat Islam hanyut bebas daripada agama, terhakis nilai (Al-Attas, 1981) dan menghakis identiti dalam kalangan umat Islam khususnya kalangan remaja Islam (Azma, 2006), menjadikan matlamat kehidupan manusia terseleweng, menuju kepada selain daripada Allah atau sekurang-kurangnya menyengutukan Allah dengan tujuan dan kehendak keduniaan (Mustafa, 1999). Bagi menyelamatkan keadaan ini, umat Islam mesti menghayati asas fardu ain untuk mengisi kekosongan diri dengan Islam yang merangkumi akidah, syariat, sistem hidup, perundangan dan akhlak. Umat Islam mesti membina diri dengan menjadi muslim dari sudut akidah, ibadah dan akhlak (Fathi, 1996). Dengan sebab itu, remaja Islam hari ini khususnya golongan masalah pendengaran mesti dididik dengan sempurna supaya memahami pengetahuan akidah, ibadah, akhlak serta mempunyai penghayatan akidah, ibadah dan akhlak.

Golongan masalah pendengaran adalah sebahagian daripada golongan yang dikategorikan sebagai orang kurang upaya. Abdul Latif dan Nazri (2008) mendefinisikan orang kurang upaya sebagai orang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuh atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu, dan tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada dari segi fizikal atau mental, sama ada ia berlaku semenjak lahir atau kemudian daripada itu. Mereka memerlukan perkhidmatan dan pendekatan yang istimewa bagi membolehkan mereka hidup berdikari dalam komuniti, mempelajari dan menghayati perkara-perkara berkaitan keagamaan (Nazri, 2009).

Golongan masalah pendengaran secara zahir kelihatan normal melihat kepada keupayaan pergerakan dan penglihatan, tetapi dari segi dalaman mereka mengalami tekanan mental kerana tidak dapat berkomunikasi dan bergaul dengan kebanyakan orang disebabkan halangan pendengaran (Mohd Salleh, 1999). Kanak-kanak masalah pendengaran juga kebiasaannya akan mengalami masalah keupayaan pertuturan lisan

(Ridgeway, 1999). Remaja pekak mengikuti alam persekolahan sebagaimana murid tipikal dalam aliran kebangsaan. Mereka mengikuti pengajian peringkat rendah dan menengah di sekolah-sekolah pendidikan khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di sekolah-sekolah harian yang menggunakan kurikulum kebangsaan sama sebagaimana murid tipikal.

Mata pelajaran pendidikan agama Islam adalah mata pelajaran yang wajib diikuti oleh setiap murid Muslim termasuk murid berkeperluan khas yang belajar di sekolah pendidikan khas dan PPKI. Penekanan pendidikan Islam dalam sistem pendidikan kebangsaan bermula pada tahun 1962 berdasarkan kepada Ordinan Pelajaran 1952 (Report of the Educational Review Committee 1960, 1960), Penyata Razak 1956 (Report of the Education Committee 1956, 1966), Ordinan Pelajaran 1957 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001), Penyata Rahman Talib 1960 (Report of the Educational Review Committee 1960, 1960) dan Akta Pelajaran 1961 (Zainal Abidin, 1994), dan telah dilaksanakan pada tahun 1962 (Abdullah, 1995). Perakuan-perakuan dan akta di atas memperuntukkan supaya Pendidikan Islam atau mata pelajaran Agama Islam diajar di mana-mana sekolah yang didaftarkan dan terdapat sekurang-kurangnya 15 orang murid beragama Islam.

Bagi memastikan penguasaan dan pemahaman murid terhadap aspek-aspek fardu ain dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Penilaian Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dan dilaporkan pencapaiannya dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula sesi 1994/95 (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 4/1994, 1994). Kandungan Perkara Asas Fardu Ain adalah yang paling minimum daripada Pendidikan Islam yang hendak dipastikan agar setiap murid dapat memahami dan boleh mengamalkannya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1995). Proses semakan telah dibuat pada tahun 2002 dan dilaksanakan pada tahun 2003 (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 17/2002, 2002). Begitu juga pelaksanaan kurikulum semakan Pendidikan Islam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) telah dilaksanakan bermula tahun 2003 (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 5/2003, 2003). Pelaksanaan tersebut semestinya memberikan impak dan natijah terhadap murid termasuk murid pekak khususnya terhadap penguasaan mata pelajaran Pendidikan Islam dan aspek-aspek asas fardu ain yang terkandung di dalamnya.

Asas pelaksanaan pengajaran pendidikan Islam menepati kehendak al-Quran dan al-Hadith yang memberi penekanan tinggi kepada penguasaan dan penghayatan ilmu. Golongan pekak sebagaimana insan biasa yang lain, berkehendak dan amat memerlukan ilmu, pengetahuan dan penghayatan Islam bagi membina peribadi muslim yang unggul. Keperluan golongan pekak dalam mengetahui ilmu agama amat penting untuk diri, keluarga dan kelompok mereka agar mampu menjalani kehidupan beragama dan beribadah sebagaimana muslim yang lain. Keperluan ilmu terhadap mereka tidak boleh dikesampingkan sebagaimana luahan Presiden Persekutuan Orang Pekak Malaysia :

*Akibat ilmu pengetahuan tidak sampai kepada orang pekak dan orang pekak lambat untuk menilai baik buruknya sesuatu. Mereka menjadi bodoh walau pun mereka bukan dilahirkan untuk menjadi bodoh. Orang yang menjadi penyebab orang pekak menjadi bodoh bukan orang yang pandai (Mohd Sazali, 2009).*

*Pendidikan merupakan kunci utama pembangunan sosio-ekonomi orang pekak. Berjayanya orang pekak dalam pendidikan akan berjaya dalam kerjaya dan kehidupan. Negara kita memerlukan rakyat yang berilmu untuk bersama-sama membangunkan negara, kita orang pekak juga tidak berkecuali (Mohd Sazali, 2009).*

Usaha berterusan melalui kepelbagaian teknik serta pendekatan, kecekalan dan keikhlasan amat diperlukan untuk memberi pengetahuan, kefahaman dan penguasaan agama seterusnya menerbitkan penghayatan beragama kepada remaja pekak.

Berdasarkan analisa keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Sekolah Menengah Pendidikan Khas X, mendapati tahap kelulusan murid dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dalam kedua-dua peperiksaan awam tersebut amat rendah.

Jadual 1 - Analisis Keputusan PMR Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam SMPK Tahun 2001 hingga 2008

TAHUN	BILANGAN CALON MENGIKUT GRED						TH	JUMLAH CALON		PERATUS (%)
	A	B	C	D	E	AMBIL		LULUS	LULUS	
2001	-	-	1	-	19	-	20	1	5.00	
2002	-	-	-	-	18	-	18	0	0.00	
2003	-	-	-	-	14	-	14	0	0.00	
2004	-	-	-	-	9	-	9	0	0.00	
2005	-	-	-	-	21	-	21	0	0.00	
2006	-	1	-	3	22	-	26	4	15.38	
2007	-	1	2	1	8	-	12	4	33.33	
2008	-	2	-	-	14	-	16	2	12.50	

Sumber : Unit Peperiksaan, SMPK X

Jadual 2 - Analisis Keputusan SPM Bagi Mata Pelajaran Pendidikan Islam SMPK Tahun 2000 hingga 2008

TAHUN	BILANGAN CALON MENGIKUT GRED									TH	JUMLAH CALON		PERATUS (%)
	1A	2A	3B	4B	5C	6C	7D	8E	9G		AMBIL	LULUS	
2000	-	-	-	-	-	-	-	-	2	-	2	0	0.00
2001	-	-	1	-	-	-	-	1	9	-	11	2	18.18
2002	-	-	-	-	1	-	-	-	22	-	23	1	4.35
2003	-	-	1	1	-	1	1	-	21	-	25	4	16.00
2004	-	-	-	-	-	-	1	-	32	1	33	1	3.03
2005	-	-	-	-	-	-	-	-	24	2	24	0	0.00
2006	-	-	-	-	-	-	-	-	8	-	8	0	0.00
2007	-	-	-	-	-	-	-	-	39	2	39	0	0.00
2008	-	-	-	1	1	4	-	-	23	1	29	6	20.69

Sumber: Unit Peperiksaan, SMPK X

Berdasarkan Jadual 1 dan 2 di atas, menunjukkan murid pekak tidak dapat menguasai mata Pelajaran Pendidikan Islam, sebahagian besar daripada mereka mendapat keputusan gagal

iaitu gred E dalam peperiksaan PMR dan gred 9G dalam peperiksaan SPM. Walau bagaimanapun, penilaian pendidikan Islam dalam PMR dan SPM yang dijalankan adalah secara bertulis sedangkan

murid pekak amat lemah dalam bahasa dan tulisan. Penggunaan jawapan bertulis menjadikan mereka sukar untuk menyatakan perkara yang ingin disampaikan disebabkan medium dan bahasa perantaraan antara mereka adalah bahasa isyarat. Oleh yang demikian, gred keputusan pendidikan Islam peringkat PMR dan SPM tidak boleh menggambarkan pengetahuan sebenar mereka dalam mata pelajaran pendidikan Islam.

Menurut seorang YDP persatuan yang terlibat dengan golongan pekak, golongan ini mempunyai pengetahuan yang amat kurang dan banyak istilah agama yang tidak difahami oleh mereka menyebabkan kesukaran untuk mereka beramal dengan agama (Nazri, 2009; Mohd Huzairi & Hajarul Bahti, 2010). Abdul Munir dan Nadiyah menyatakan tahap pendidikan, kefahaman dan penghayatan Islam dalam kalangan orang pekak adalah pada tahap yang rendah (Abdul Munir & Nadiyah, 2008).

Kajian tentang pengajian Islam dan dakwah terhadap golongan pekak baru memasuki peringkat permulaan. Kekurangan data tentang pengetahuan dan penghayatan agama golongan ini menyebabkan tiada gambaran terperinci dan empirikal tentang subjek kajian berbanding aspek-aspek lain terhadap golongan pekak. Golongan ini mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dalam sistem persekolahan kebangsaan tetapi hasil pembelajaran tidak dapat dikenal pasti disebabkan kurang perbincangan dan kajian empirikal tentang pengetahuan dan penghayatan Islam dalam diri mereka.

Permasalahan dihadapi kini, tahap pengetahuan dan penghayatan fardu ain amat pudar dalam masyarakat. Golongan pekak tidak terkecuali dalam hal ini. Realitinya ramai yang tidak mengetahui asas akidah dan asas ibadah termasuk tidak mendirikan solat, tidak berpuasa, tanpa takut dan malu melakukan maksiat dan kemungkaran, tetapi kekok dan malu untuk

melakukan kebaikan, ibu bapa dan keluarga tidak dihormati, masjid dijauhkan, pusat hiburan didekati dan digemari, minuman keras dan dadah ditagih serta pelbagai jenis kemungkaran didekati dengan mudah. Gejala seperti ini adalah natijah daripada pembangunan yang tidak seimbang serta sepadu antara pembangunan kerohanian dan tatasusila dalam kehidupan manusiawi dengan kegiatan sains dan teknologi serta tidak menjadikan agama sebagai pedoman untuk memandu kehidupan mereka dalam kehidupan moden kini (Mohd Yusoff, 2009). Walau bagaimanapun, maklumat tersebut tidak diterjemahkan melalui satu kajian yang empirikal. Justeru, kajian ini ingin mendapatkan data secara jelas tentang pengetahuan ibadah remaja pekak di Malaysia.

## METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian tinjauan yang bertujuan mengenal pasti pengetahuan ibadah remaja pekak di Malaysia. Sampel kajian terdiri daripada 89 orang remaja pekak muslim yang mengikuti pembelajaran di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Masalah Pendengaran berumur dalam lingkungan umur 16 hingga 19 tahun seluruh Malaysia. Murid dikehendaki memberikan respon pengetahuan ibadah melalui soal selidik secara ujian lisan menggunakan bahasa isyarat tentang lima perkara berikut iaitu bersuci, solat, puasa, zakat, dan aurat. Statistik deskriptif iaitu peratusan dan min digunakan dalam melaporkan dapatan kajian.

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1, 2, 3 dan 4 menunjukkan profil responden mengikut jantina, umur, pemakaian alat bantuan pendengaran dan mengikuti pengajian agama murid yang terlibat. Berikut dipaparkan taburan sampel berdasarkan jantina dalam Jadual 1:

Jadual **Error! No text of specified style in document.**1 - Taburan responden mengikut jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	42	47.2
Perempuan	47	52.8
Jumlah	89	100

Jadual 2 menunjukkan taburan responden mengikut umur. Majoriti remaja yang menjadi

responden kajian ini adalah berumur 18 tahun iaitu 74 orang (83.1%)

Jadual 2 - Taburan responden mengikut umur

Umur	Frekuensi	Peratus
16 tahun	2	2.2
17 tahun	9	10.1

18 tahun	74	83.1
19 tahun	4	4.5
Jumlah	89	100

Jadual 3 seterusnya menunjukkan pemakaian alat bantuan pendengaran responden. Sebahagian besar responden didapati tidak memakai alat bantuan pendengaran.

*Jadual 3 - Taburan responden berdasarkan pemakaian alat bantuan pendengaran*

Memakai alat bantuan pendengaran	Frekuensi	Peratus
Ya	27	30.3
Tidak	62	69.7
Jumlah	89	100

Seterusnya Jadual 4 menunjukkan lebih daripada separuh responden (58.4%) iaitu seramai 52 orang murid yang tidak mengikuti pengajian agama sebagai pengajian tambahan selain daripada pembelajaran di sekolah. Manakala jumlah murid

yang mengikuti pembelajaran agama hanya seramai 37 orang sahaja iaitu 41.6% daripada keseluruhan responden kajian.

*Jadual Error! No text of specified style in document. - Taburan responden mengikuti Pengajian Agama*

Mengikuti pengajian agama	Frekuensi	Peratus
Ya	37	41.6
Tidak	52	58.4
Jumlah	89	100

Seterusnya pengkaji memperincikan analisis tentang pengetahuan ibadah remaja pekak. Pengetahuan ibadah ini diperoleh melalui soal selidik yang dilakukan melalui ujian lisan terhadap responden menggunakan bahasa isyarat tentang 5 perkara iaitu (i) Bersuci, yang merangkumi persoalan-persoalan berkaitan najis, wuduk, mandi wajib, larangan-larangan semasa hadas besar, (ii) Solat, yang merangkumi persoalan-persoalan berkaitan syarat wajib solat, syarat sah solat, rukun-rukun solat, lafaz-lafaz niat solat, maksud ayat-ayat al-Fatihah, maksud bacaan tasyahud dan perkara-perkara yang membatalkan solat, (iii) Puasa, yang merangkumi persoalan-persoalan berkaitan niat puasa, perkara-perkara yang membatalkan puasa, waktu bermula dan berakhir puasa, syarat-syarat wajib puasa, syarat-syarat sah

puasa, golongan-golongan yang harus terbuka puasa dan golongan-golongan yang wajib menggantikan puasa, (iv) Zakat, yang merangkumi persoalan tentang syarat-syarat wajib mengeluarkan zakat fitrah dan golongan yang berhak menerima zakat serta (v) Aurat, yang merangkumi persoalan batas aurat lelaki dan perempuan.

Analisis yang dijalankan mendapati min pengetahuan ibadah bagi bersuci adalah =1.22, SP=0.65, min pengetahuan solat=1.16, SP=0.52, min pengetahuan puasa=1.25, SP=0.71, min pengetahuan zakat=1.26, SP=0.91 dan min pengetahuan aurat=2.35, SP=1.59. Secara keseluruhan min pengetahuan ibadah remaja pekak=1.19, SP=0.58. Jadual 5 berikut memperincikan min bahagian-bahagian pengetahuan ibadah mengikut item.

*Jadual 5 - Min pengetahuan ibadah mengikut item*

Bahagian	Min	SP
Bersuci	1.22	0.65
Solat	1.16	0.52
Puasa	1.25	0.71
Zakat	1.26	0.91
Aurat	2.35	1.59
Min keseluruhan pengetahuan ibadah	1.19	0.58

Berdasarkan ujian fardu ain yang telah dijalankan, kajian mendapati seramai 8 orang (9%) mendapat skor pencapaian pengetahuan ibadah antara 50 hingga 64 ialah, 1 orang (1.1%)

mendapat skor antara 40 hingga 49 dan seramai 80 orang (89.9%) mendapat skor antara 0 hingga 39. Jadual 6 berikut memaparkan perincian dapatan.

Jadual 6 - Skor pencapaian pengetahuan ibadah

Markah (%)	Frekuensi (%)	Tahap
0 -39	80 (89.9)	Sangat lemah
40 – 49	1 (1.1)	Lemah
50 – 64	8 (9)	Sederhana

Berdasarkan skor pencapaian pengetahuan ibadah dalam Jadual 6 di atas, kajian mendapati seramai 81 orang responden (91%) mempunyai tahap pengetahuan ibadah yang rendah, dan 8 orang (9%) mempunyai tahap pengetahuan sederhana. Min keseluruhan tahap

pengetahuan ibadah remaja pekak=1.19. Ini menunjukkan pengetahuan ibadah remaja pekak berada pada tahap rendah. Jadual 7 berikut memaparkan perincian analisis tahap pengetahuan ibadah.

Jadual 7 - Tahap pengetahuan ibadah remaja pekak

Skor min	Frekuensi	Peratus	Tahap
1.00 hingga 2.33	81	91	Rendah
2.34 hingga 3.67	8	9	Sederhana
3.68 hingga 5.00	-	-	Tinggi

Min Keseluruhan = 1.19

Sisihan Piawai = 0.58

### Perbincangan

Tahap pengetahuan ibadah remaja pekak merangkumi pengetahuan mereka tentang perkara-perkara berkaitan bersuci. Item bersuci memerlukan responden menjawab persoalan-persoalan tentang najis, wuduk, mandi wajib, dan larangan-larangan semasa hadas besar. Tahap pengetahuan najis responden sangat rendah.

Mereka tidak dapat menjawab apa yang dimaksudkan dengan najis *mukhaffafah*, najis *mutawassitah* dan najis *mughallazah* dengan tepat dan tidak dapat menjelaskan cara-cara untuk menyucikan ketiga-tiga jenis najis dengan betul. Hal ini menunjukkan pengetahuan najis remaja masalah pendengaran berada pada tahap rendah. Jadual 8 memperincikan tahap tersebut.

Jadual 8 - Tahap pengetahuan najis remaja pekak

Skor min	Frekuensi	Peratus	Tahap
1.00 hingga 2.33	83	93.3	Rendah
2.34 hingga 3.67	2	2.2	Sederhana
3.68 hingga 5.00	4	4.5	Tinggi

Min Keseluruhan = 1.11

Sisihan Piawai = 0.44

Selain daripada pengetahuan najis, remaja pekak juga tidak dapat menjawab perkara-perkara yang berkaitan dengan wuduk bermula daripada rukun wuduk, perkara yang membatalkan wuduk serta adab-adab berwuduk dengan sempurna. Min keseluruhan tahap pengetahuan wuduk responden M=1.12. Ini menunjukkan tahap pengetahuan wuduk remaja pekak berada pada tahap rendah.

Remaja pekak juga tidak dapat menguasai perkara ibadah yang melibatkan mandi wajib, sama ada niat mandi wajib, cara mandi wajib, larangan-larangan sewaktu berhadas besar. Dapatan ini menunjukkan bahawa remaja pekak tidak melakukan mandi wajib dengan cara yang betul. Dalam masa yang sama, mereka juga melakukan perkara-perkara yang dilarang sewaktu berhadas besar. Seterusnya kajian juga mendapati remaja pekak mempunyai tahap pengetahuan yang rendah tentang solat. Mereka tidak tahu syarat

wajib solat, syarat sah solat, rukun-rukun solat, lafaz niat solat, maksud bacaan al-Fatihah dan Tahiyat Akhir, di samping tidak memahami tentang perkara-perkara yang membatalkan solat. Tahap pengetahuan puasa, zakat dan aurat remaja pekak juga berada dalam keadaan yang rendah.

Kajian ini secara keseluruhan mendapati pengetahuan ibadah dalam kalangan remaja pekak juga berada pada tahap yang sangat lemah. Walaupun falsafah dan objektif dalam bidang pembelajaran Pendidikan Islam KBSM menumpukan kepada perkara-perkara asas akidah, ibadah dan akhlak, tetapi hal ini masih belum tercapai. Hal ini menunjukkan terdapat satu fenomena bahawa pengetahuan Fardu Ain remaja pekak di Malaysia berada pada tahap yang rendah. Perkembangan kognitif remaja pekak sememangnya dipengaruhi oleh konteks persekitaran sosial mereka yang menyokong.

Dalam konteks remaja pekak, mereka didapati agak lambat dalam perkara yang melibatkan kefahaman (Hallahan & Kauffman, 2009). Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian yang mendapati tahap kefahaman yang rendah terhadap pengetahuan ibadah berlaku dalam kalangan remaja pekak.

Proses pembelajaran yang berkesan mampu membantu meningkatkan potensi murid pekak. Asasnya individu yang berketrampilan seperti guru dan ibu bapa perlu menyampaikan arahan secara jelas kepada murid dan memberikan bimbingan yang sepatutnya mengikut tahap keupayaan murid memahami sesuatu isi pembelajaran (Bandura, 2007). Penerangan isyarat hendaklah bersifat realistik dan spesifik agar mampu diterima oleh mental murid pekak. Hal ini akan membantu membina keupayaan kognitif remaja pekak dalam pembelajaran fardu ain. Tahap bimbingan yang diberikan perlu lebih banyak sehingga murid memahami istilah dan konsep secara jelas, barulah bimbingan tersebut dapat membantu mereka. Dalam jangka masa panjang, remaja pekak akan dapat membina konsepnya sendiri dan mampu berdikari dengan lebih baik dalam melaksanakan perkara-perkara fardu ain.

Guru dan ibu bapa perlu berperanan untuk mengenal pasti bentuk dan tahap bimbingan yang sesuai bagi remaja pekak yang perlu dibantu. Dengan cara ini, kefahaman murid terhadap isi kandungan pembelajaran ibadah akan berjaya ditingkatkan dan seterusnya memperbaiki sikap murid secara langsung terhadap pembelajaran Fardu Ain. Di samping itu, ibu bapa dan rakan sebaya yang lebih berkeupayaan juga perlu berperanan sama sebagaimana guru dalam proses membimbing dan membantu murid pekak menguasai asas-asas penting dalam pembelajaran ibadah.

Tujuan belajar Fardu Ain adalah untuk beribadah, akan diberi pahala oleh Allah kepada penuntutnya jika dipelajari dengan baik dan ikhlas. Dengan sebab itu, remaja pekak perlu diberi motivasi agar menghayati ibadah kerana mereka juga tidak terkecuali untuk menerima pahala dan ganjaran daripada Allah SWT sekiranya pengamalan dan penghayatan ibadah mereka adalah betul. Mereka juga berhak untuk beribadah kepada Allah dan mendapat ganjaran yang setimpal, walaupun mempunyai kekurangan dari sudut deria pendengaran berbanding murid tipikal. Apa yang berlaku sekarang, ialah mereka tidak dapat mencapai kelebihan-kelebihan yang telah disarankan disebabkan tidak mampu menguasai pengetahuan ibadah dengan baik. Kegagalan menghayati pengetahuan ibadah dengan baik dan sempurna akan membawa kesan yang buruk

terhadap individu muslim. Antara kesan buruk akibat tidak menghayati pengetahuan ibadah dengan betul ialah tidak sempurna ibadah-ibadah lain. Selain daripada itu, kegagalan menghayatinya dengan baik dan sempurna juga akan menjadikan manusia malas dan tidak berminat untuk mengerjakan ibadah kepada Allah, dan hidupnya tidak akan mempunyai matlamat yang jelas.

Kelemahan pengetahuan ibadah remaja pekak ini akan membawa kepada pelbagai perkara yang tidak elok sekiranya tidak dibendung dan tidak diperbaiki ke arah yang lebih baik. Dengan sebab itu, maka menjadi kewajipan setiap muslim berusaha bersungguh-sungguh agar dapat membimbing remaja pekak memahami pengetahuan ibadah dengan baik bagi memastikan mereka dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna. Jika tidak ditangani dengan bijaksana dan bersungguh-sungguh dibimbangi akan memberi kesan yang buruk kepada pembelajaran Pendidikan Islam keseluruhannya, khususnya bidang Syariah dalam kalangan remaja pekak (Ab. Halim & Mohamad Khairul Azman, 2010) (Hamdi Ishak, Ab. Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid & Safani Bari. (2012).). Perkara ini tidak boleh dianggap kecil kerana ibadah yang tepat dan betul akan mempengaruhi pengamalan dan penghayatan murid dalam kehidupan seharian, menentukan sah batalnya ibadah solat khususnya bagi seseorang Muslim tanpa mengira sama ada mereka sempurna atau kurang sempurna pancainderanya. Penguasaan pengetahuan ibadah yang baik akan mendorong pembentukan perubahan tingkahlaku menjadi manusia yang sempurna, maju dalam pemikiran dan tindakan serta taat kepada perintah Allah.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, objektif pendidikan agama adalah objektif hidup manusia kerana pendidikan adalah alat untuk manusia memelihara kelangsungan hidupnya. Taat kepada perintah Allah adalah objektif hidup orang Islam (Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012); Langgulong, 1980). Sebagaimana Al-Attas (1992) telah menjelaskan objektif Pendidikan Islam adalah mencipta manusia yang baik, iaitu memiliki akhlak yang terpuji, yang secara material dan spiritualnya insaf terhadap tanggungjawab dirinya kepada Tuhan yang Hak, harus terus berusaha meningkatkan setiap aspek dalam dirinya menuju kesempurnaan sebagai insan abadi. Remaja seperti inilah yang ingin dilahirkan dalam pendidikan Islam di Malaysia khususnya dan di seluruh dunia umumnya agar mampu menguasai pengetahuan ibadah dengan sempurna seterusnya menuju kesempurnaan sebagai insan hamba yang sentiasa

berusaha menanamkan kualiti kebaikan yang boleh diterima dalam seluruh aspek kehidupan. Sekiranya ini menjadi garis pengukur kepada kejayaan atau kegagalan program pendidikan Islam untuk golongan pekak, ternyata kita pada tahap menghadapi kegagalan yang amat mengkususkan. Maka dapat dibuat kesimpulan secara keseluruhannya bahawa pengetahuan ibadah remaja pekak adalah lemah atau berada pada tahap yang sangat rendah dan perlu ditangani dengan pelbagai cara yang bersesuaian dengan ketidakupayaan yang mereka hadapi sebagaimana yang telah diuraikan dalam perbincangan sebelum ini.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2 (1), 43-56.
- Abdul Munir Ismail & Nadiyah Elias. (2008). Strategi Dakwah Kepada Warga Masalah pendengaran. In F. S. Rozita Yusoff, *Pembangunan, Pembangunan Komuniti Marginal di Malaysia Ke Arah Pengupayaan Kendiri* (p. 190). Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Al-Attas, S. M. (1992). *Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam*, Samsudin Jaapar (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bandura, A. (2007). *Social cognitive theory . Dlm W. Donsbach (pnyt) International encyclopedia of communication*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- FathiYakan. (1996). *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*, Abu Mustafa Hamidi (terj.). Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Hallahan, D. & Kauffman, J. (2009). *Exceptional children. Edisi ke-11*. Needham Height, MA: Allyn & Bacon.
- Hamdi Ishak, Ab. Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid & Safani Bari. (2012). Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran). *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4(2), 11-24.
- Hasan Langgulung. (1987). Penghayatan Nilai-nilai Islam ditinjau dari Proses Pembelajaran Dalam Konteks Pendidikan Masa Kini. *Jurnal Pendidikan Islam*, 2 (5), 28.
- Langgulung, H. (1980). *Beberapa pemikiran tentang Pendidikan Islam*. Bandung: PT Alma'arif.
- Mohd Huzairi Husain & Hajarul Bahti Zakaria. (2010). Peranan Masjid Dalam Pendidikan : Tumpuan Khusus Terhadap Golongan Masalah pendengaran”, dalam Prosiding. *Seminar Kebangsaan Pengajaran dan Pembelajaran Berasaskan Masjid* (p. 292). Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Salleh Lebar. (1999). *Kanak-kanak berkeperluan Khas Dalam Pendengaran*. Serdang: Penerbit Universiti Putera Malaysia.
- Mohd Sazali Shaari. (2009, Disember 28). *Mengapa Mesti Memperbodohkan Orang Masalah pendengaran, Bicara Sazali Bicara Hati Orang Masalah pendengaran (Presiden MFD)*. Retrieved from <http://msazali.blogspot.com/>  
<http://msazali.blogspot.com/>
- Mohd Sazali Shaari. (2009, Disember 29). *Sampai Bila Nasib Kita Terbela, Bicara Sazali Bicara Hati Orang Masalah pendengaran (Presiden MFD)*. Retrieved from <http://msazali.blogspot.com/>  
<http://msazali.blogspot.com/>
- Mustafa Masyhur. (1999). *Jalan Dakwah Antara Keahlian dan Penyelewengan, Mohd Yusuf Ismail (terj.)*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Nazri. (2009, September 19). Masalah Beragama Anak Masalah pendengaran, PESIBA Kuala Lumpur. (M. H. Awang@Husain, Interviewer)
- Ridgeway, S. (1999). *A Deaf Personality dalam Issues in Deaf Education*. London: David Fulton Publishers.
- Sa'id Hawwa. (2008). *Pendidikan Harakah Islamiyyah Syarah Risalah al-Ta'lim, Nor Hasanuddin (terj.), edisi baru*. Selangor: Dewan Pustaka Fajar.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri. *Jurnal Hadhari, Special edition*, 155-172.